



KEMENTERIAN KEWANGAN  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA  
Aras 5, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan  
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000  
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207  
Portal Rasmi : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 Jld.5( 21 )  
Tarikh : 27 Februari 2026  
Bersamaan : 9 Ramadan 1447H

**Ketua Pusat Tanggungjawab/ Pusat Pembayar**

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**ARAHAN KERJA BIL.21/2026/O : BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2026**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.


2. Selaras dengan pembentangan Belanjawan Tahun 2026, Bantuan Khas Kewangan (BKK) sebanyak RM500 perlu dibuat pembayaran pada bulan Mac 2026.
3. Bersama-sama ini dipanjangkan surat edaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2026 dengan rujukan JPA.800-3/2/4 (57) bertarikh 23 Februari 2026 dan MOF.600-40/3/3 JLD.2 (32)(S) bertarikh 27 Februari 2026 untuk rujukan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Untuk makluman, BKK Tahun 2026 akan dibayar pada **13 Mac 2026**, dan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran tersebut.
4. Pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan diingatkan supaya memastikan hanya pegawai yang layak sahaja dibayar. Sekiranya terdapat juga pegawai yang tidak layak telah dibayar, Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab membuat **kutipan bayaran balik dengan SEGERA**.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"**  
**"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"**  
**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(MOHD. SRIBIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA (UK), C.A.(M))**  
Pengarah Negeri,  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka.